

eBULLETIN APRIL 2018

Written by Administrator

Sunday, 12 August 2018 15:26 - Last Updated Sunday, 12 August 2018 15:29



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN BANK RAKYAT



Pada 1 April 2018, dua orang wakil daripada Bank Rakyat cawangan Marang telah hadir ke SKKT bagi menyerahkan replika cek sumbangan wang sejumlah RM3,000. Penyerahan replika cek tersebut telah diadakan dalam satu majlis ringkas yang dihadiri oleh guru-guru SKKT.

PERKHEMAHAN UNIT BADAN BERUNIFORM PERINGKAT SEKOLAH



Pada 19 hingga 21 April 2018, perkhemahan unit beruniform telah diadakan di SKKT. Seramai 160 orang murid terlibat dalam perkhemahan kali ini. pelbagai aktiviti telah diadakan untuk melatih sikap berkeyakinan diri dan berdikari dalam kehidupan

LAWATAN KE PUSAT SAINS & KREATIVITI, TERENGGANU

Pada 5 April 2018, seramai 80 murid dan 8 guru telah mengikuti Lawatan anjuran panitia Sains & Matematik. Tujuannya adalah untuk memberi pengalaman kepada murid-murid merasai aplikasi sains dan kepentingan fungsinya yang telah dibongkar dan digunakan sejak berabad lamanya.



KARNIVAL BAHASA MELAYU DAERAH MARANG 2018

Pada 25 April 2018 dua orang murid telah mewakili sekolah ke pertandingan bercerita dalam Karnival Bahasa Melayu peringkat daerah Marang 2018.



KEJOHANAN BOLA JARING MSSD 2018

Pada 4 hingga 5 April 2018, perlawanan Bola Jaring peringkat daerah Marang telah berlangsung. Seramai 12 orang murid terlibat dalam perlawanan yang berlangsung di SK.. Walaupun pasukan sekolah hanya layak ke peringkat suku akhir, 2 orang pemain sekolah telah berjaya dipilih mewakili pasukan daerah Marang ke peringkat MSSN.